



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**PERASMIAN PERSIDANGAN PEGAWAI MARA
DAERAH SE-MALAYSIA 2016**

**DEWAN UTAMA,
HOTEL PREMIERA KUALA LUMPUR**

**13 MEI 2016 (JUMAAT)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

SALUTASI SEWAJARNYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1 MARA.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat berjumpa dan berkumpul di Persidangan Pegawai MARA Daerah Se-Malaysia 2016.

RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (RMK-11)

2. Baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah menggariskan lima (5) falsafah Kerajaan sempena RMK-11 iaitu kerajaan yang pro pertumbuhan, pro rakyat, pro perniagaan, mesra alam sekitar dan menekankan proses pembinaan negara.

3. Melalui falsafah kerajaan pro pertumbuhan, kerajaan akan melaksanakan dasar-dasar yang membawa kepada kadar pertumbuhan tinggi dan sederhana bagi menghadapi masalah kekurangan hasil, peluang pekerjaan dan pelaburan.

4. Bagi teras kerajaan pro rakyat, Kerajaan akan berusaha untuk mencapai kadar pertumbuhan yang baik dan memberangsangkan agar dapat mengagihkan kekayaan kepada rakyat kumpulan berpendapatan 40 peratus ke bawah (B40), menaikkan pendapatan isi rumah, menentukan kemahiran dan pendidikan yang lebih tinggi dan menangani kos sara hidup.

5. Malaysia juga perlu menjadi sebuah kerajaan pro perniagaan dengan memperkasakan ekonomi negara. Dalam masa yang sama, kerajaan mestilah mesra alam sekitar dan pembangunan lestari.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

MENCAPAI STATUS NEGARA MAJU BERPENDAPATAN TINGGI

6. Dalam usaha untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, Pegawai MARA Daerah (PMD) seharusnya memahami realiti perubahan semasa dari segi penggunaan teknologi baru, kaedah baru yang lebih efisien dan pelbagai perubahan yang mendadak yang memerlukan PMD mempunyai keterampilan dan kemahiran baru bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

7. Justeru itu, PMD seharusnya meningkatkan kemahiran interpersonal, mengadaptasi pemikiran kritikal, kemahiran membuat keputusan, mempunyai pemikiran strategik, kepimpinan emosi, kemahiran komunikasi, kepimpinan bakat, kepimpinan kumpulan, kepimpinan perubahan dan amalan *drive for results* serta menghasilkan *outcome* yang lebih berkesan.

8. Kita adalah pemangkin kepada visi & misi untuk menjadi Malaysia sebagai *Entrepreneurial Nation* yang menumpukan kepada bidang keusahawanan dalam usaha kita untuk memperkukuhkan kedudukan kita di dalam ekonomi dunia. Kita boleh mengambil pengajaran dari *entrepreneurial nations* yang berjaya seperti Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat,

Switzerland dan sebagainya yang telah muncul sebagai kuasa besar ekonomi dunia melalui aktiviti keusahawanan.

9. Sehingga kini menyumbang kepada pembentukan 70% masyarakat kelas menengah Bumiputera, masyarakat kelas menengah inilah yang meningkatkan Status Sosio Ekonomi (SES) Bumiputera dan seterusnya menjadi pemangkin atau *catalyst* pembangunan negara.

10. Walau bagaimana pun, kita perlu terus berusaha agar kejayaan yang ada pada hari ini dijadikan landasan untuk kita meningkatkan lagi kedudukan ekonomi Bumiputera supaya kita terus berjaya melahirkan masyarakat yang berpendapatan tinggi seiring dengan status negara maju.

11. Untuk itu, kita perlu lahirkan lebih ramai masyarakat usahawan (*entrepreneurial people*) di negara ini yang bukan sekadar menyumbang kepada peningkatan *Gross National Income* (GNI), tetapi juga mampu mewujudkan limpahan kekayaan (*wealth creation*) di samping menawarkan peluang pekerjaan (*job creation*) kepada rakyat.

PEGAWAI MARA DAERAH SEBAGAI BARISAN HADAPAN MARA

12. Di peringkat daerah, PMD adalah duta kecil yang mewakili MARA yang akan berinteraksi dengan pelbagai pihak. PMD diharapkan sebagai pemaju dalam peningkatan sosial-ekonomi khusus Bumiputera di daerah berkenaan.

13. Dalam bidang keusahawanan, PMD dianggap sebagai pemaju dalam meningkatkan bilangan usahawan yang berpotensi tinggi. PMD hendaklah melaksanakan program-program

keusahawanan dan memberi bantuan yang sesuai agar keupayaan syarikat dan usahawan Bumiputera dapat dipertingkatkan.

14. PMD juga diharap dapat menjadi penyambung lidah rakyat terutamanya di dalam bidang pendidikan. Para PMD yang telah dilantik harus bersedia untuk mewar-warkan apa jua program pendidikan yang dianjurkan oleh MARA. Sejak MARA diwujudkan PMD telah berfungsi untuk memperkenalkan peluang pendidikan kepada masyarakat terutamanya yang tinggal di kampung-kampung. Peranan ini perlu diteruskan di dalam usaha kita untuk membandarkan luar bandar.

MARA AKAN TERUS MEMPERKASA USAHAWAN BUMIPUTERA MALAYSIA

15. MARA sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik untuk Malaysia. Selain daripada mempunyai kakitangan yang komited, jujur dan pintar, MARA juga sentiasa mencari ruang untuk menambah skim baharu dan memperbaiki skim sedia ada untuk memastikan rakyat Malaysia, khususnya golongan Bumiputera akan mendapat peluang untuk terus berjaya khususnya di dalam sektor keusahawanan, pendidikan dan juga pelaburan.

16. Sebagai contoh peruntukan sedia ada untuk membiayai usahawan kontraktor daripada kerajaan sebelum ini adalah RM 250 juta. Kini kerajaan telah berbesar hati untuk menyuntik dana tambahan sebanyak RM100 juta lagi di bawah pembiayaan perniagaan kontrak.

17. Pembiayaan ini merangkumi kemudahan pembiayaan kontrak daripada kerajaan termasuk agensi dibawah KKLW. Had pembiayaan adalah dari RM 250,000 ke atas sehingga maksima RM 1 juta bagi setiap pinjaman. **Dengan ini MARA memperkenalkan Skim Pinjaman Kontraktor Ekspres 2.0 (SPIKE 2.0) untuk memperkasakan skim yang sedia ada.**

18. Selain itu, MARA turut membuat penambahbaikan bagi Program Kemudahan Pengeluaran dan Perintian (KPP), Inkubator Teknologi Perkilangan (INTEP) dan Program Inkubator Teknologi Tinggi (PITT) dengan mewujudkan **Program Rantaian Nilai Industri (PRiN)**.

19. Melalui **PRiN**, kemudahan seperti memodalkan belanja mengurus, pembelian stok, perolehan mesin dan peralatan, menaik taraf premis serta ruang kilang dan pembelian premis perniagaan. **Had pembiayaan melalui PRiN adalah RM 500,00.00 untuk syarikat pemilikan tunggal/perkongsian dan RM 5,000,000.00 untuk Syarikat Sendirian Berhad.**

20. Tujuan PRiN diwujudkan adalah untuk menyumbang kepada penambahan bilangan usahawan Bumiputera dalam bidang perniagaan kelas menengah sebagai persediaan menjadi Top Entrepreneur yang bakal meletakkan usahawan MARA sebagai Global Player.

PENUTUP

21. Kepada semua warga MARA dan PMD khususnya, tuan puan hendaklah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh jujur, amanah, dedikasi dan berdisiplin. Kejayaan program-program MARA sebenarnya banyak bergantung kepada tugas yang tuan puan laksanakan. Oleh itu, saya menyeru agar tuan puan laksanakan tanggungjawab tersebut sebaik mungkin. Berikanlah komitmen penuh serta ikhlas dalam menjalankan tugas masing-masing agar ianya menjadi suatu ibadah kepada kita. Mudah-mudahan kita mendapat balasan baik dan keredhaan daripada Allah S.W.T.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, maka dengan ini, saya merasmikan Persidangan Pegawai MARA Daerah Se-Malaysia 2016. Sekian, Wassalammu 'Alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.